

26/10/1997

Birokrasi musuh Asean

Faizal Fadzil

DI sebalik gembur-gebur kejayaan Asean, pemimpin serantau tidak boleh leka khususnya terhadap musuh paling rapat yang boleh menjejaskan pelaksanaan pelbagai projek organisasi itu.

Kepekaan beberapa pemimpin Asean mengenai kewujudan hambatan itu wajar dijadikan sempadan bagi mengelakkan sebarang masalah.

Birokrasi - elemen yang menjadi kekuatan paling berpengaruh dalam pelaksanaan pelbagai program Asean - mampu menjadi 'musuh dalam selimut' jika 'kerenahnya' dibiarkan bebas berleluasa tanpa sekatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengajak pemimpin Asean mencari perspektif baru dalam kerjasama Asean baru-baru ini, turut menyentuh persoalan pentadbiran dalam Asean.

"Kita perlu menilai prosedur pentadbiran dan peraturan yang lebih mudah dan telus di peringkat kebangsaan serta Asean di samping memastikan sebarang peraturan baru yang diperkenalkan mampu mempercepatkan prosedur membuat keputusan dan memberi kelulusan."

"Kita harus memerangi amalan rasuah sepenuhnya," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean (AEM) ke-29 minggu lalu.

Ingatan Perdana Menteri itu yang berkait rapat dengan birokrasi Asean itu mungkin bertolak daripada segelintir pelaksanaan projek Asean yang agak lembap pergerakannya, sekalipun ia tidak tertangguh sepenuhnya.

Mekanisme Asean yang menetapkan proses membuat keputusan perlu berasaskan konsensus atau 'kesepakatan' berbanding prinsip 'meraih suara terbanyak' mungkin menyebabkan banyak masa diperlukan bagi meneliti dan memperinci sebarang program.

Kelewatan pelaksanaan projek akibat masalah birokrasi juga menyebabkan AEM terpaksa memperkenalkan peraturan baru bagi memastikan Skim Kerjasama Industri Asean (Aico) yang dimeterai pada 27 April lalu dan dijadual beroperasi mulai 1 November ini, dilaksanakan dengan berkesan.

Peraturan baru bermatlamat memastikan keputusan bagi sebarang permohonan sektor korporat menyertai Aico, dibuat dalam tempoh 60 hari selepas dikemukakan bagi mempercepatkan pelaksanaan skim itu.

Ketika ini, meskipun hanya 19 syarikat yang berhasrat menyertai skim kerjasama itu yang bermatlamat menggalakkan aktiviti pengeluaran bersama di kalangan syarikat yang beroperasi dalam Asean, kelulusannya masih tertangguh.

"Ini kerana beberapa masalah termasuk soal interpretasi masih belum diselesaikan."

"Justeru, semua negara Asean diminta membuat keputusan mengenai permohonan itu dalam tempoh 60 hari dari tarikh permintaan bagi mempercepatkan pelaksanaannya," katanya.

Kerenah birokrasi turut menghantui Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, yang menjadi perintis kepada usaha mewujudkan kerjasama pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan di kalangan negara Asean.

"Kerenah birokrasi adalah masalah yang berpotensi menjejaskan proses pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan."

"Tiada gunanya kita menghabiskan berjuta-juta ringgit untuk menganjurkan seminar dan persidangan antarabangsa jika hasilnya tidak seberapa," katanya berucap di mesyuarat pegawai kanan Asean bagi pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan pertama awal minggu ini.

Kebimbangan Annuar mungkin berasaskan pengalaman beliau sebagai pemimpin

yang terbabit secara langsung dalam proses pembangunan luar bandar di negara ini sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Ambil contoh program menggalakkan industri luar bandar. Jika ia mengambil masa sehingga tiga hingga empat tahun bagi sebarang permohonan diluluskan, golongan miskin yang menjadi sasaran mungkin akan bosan dan putus asa."

"Contoh lain, projek prasarana seperti meningkatkan taraf jalan di luar bandar. Permohonan dikemukakan awal tetapi bantuan mungkin hanya diberi pada Julai atau Ogos. Kerja pula mungkin hanya dilaksanakan pada November. Jika musim banjir, sudah tentu projek akan tertangguh," katanya.

Kerenah birokrasi bukan persoalan baru dalam sebarang organisasi baik kerajaan mahupun swasta meskipun pada tanggapan umum ia lebih berkait rapat dengan pelaksanaan program kerajaan.

Bagaimanapun, tiada penyelesaian terbaik yang dapat dirumuskan kerana ia bergantung kepada sifat manusia yang menggerakkan projek berkenaan.

Sebagai kumpulan serantau yang sebahagian besar masyarakatnya masih tersenarai dalam kategori luar bandar sekali gus menjadikan kemiskinan sebagai satu daripada elemen kehidupan masyarakatnya, karenah birokrasi sudah tentu menjadi seteru yang mesti dihapuskan.

Justeru, Asean memerlukan kesungguhan dan keikhlasan penggeraknya jika mahu memastikan matlamat serantau mencapai sasarannya.

(END)